



**Manuscript Title:** Artifak Sakral Dalam Budaya Iban di Sarawak

**Author(s):** Gregory Kiyai @ Keai & Noria Tugang

**Accepted Date:** 27-April-2021

**Please cite this article as:** Gregory Kiyai @ Keai and Noria Tugang. 2021. Artifak Sakral dalam budaya Iban di Sarawak. *Kajian Malaysia* (early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

## **ARTIFAK SAKRAL DALAM BUDAYA IBAN DI SARAWAK**

### ***SACRED ARTIFACTS IN IBAN CULTURE AT SARAWAK***

**Gregory Kiyai\* @ Keai, Noria Tugang**

Faculty of Applied and Creative Arts, University Malaysia Sarawak,  
MALAYSIA

\*Corresponding author: [gregory\\_kiyai@yahoo.com](mailto:gregory_kiyai@yahoo.com)

### **ABSTRACT**

*This article focuses on social hierarchy and ethnographic observation research based on cultural artifacts that are considered to have sacred value in Iban culture in Sarawak. Sacred artifacts are cultural objects that are believed to have spiritual values and mystical powers that are capable of protecting and bringing harmony to their owners if executed according to customs and rituals. This belief is driven by the ancestral religion of Pengarap Lama and the habitat that has been home to the Iban community since time immemorial. In proving the critical findings, qualitative-based research methods have been implemented based on in-depth observations, interviews, and documentation. The research findings found that sacred artifacts are still Taboo in the culture of the Iban community even though they have embraced new religions such as Islam and Christianity. Therefore, in preserving the significant value of sacred artifacts in Iban culture, this article is an effort to archive the culture of the multi-races community in Sarawak, especially the Iban community.*

**Keywords:** artifacts, culture, Iban, sacred, Sarawak, heritage

### **ABSTRAK**

*Artikel ini memfokuskan kepada heriarki sosial dan penelitian etnografi berdasarkan kepada artifik budaya yang dianggap mempunyai nilai sakral dalam budaya Iban di Sarawak. Artifak sakral adalah objek budaya yang dipercaya mempunyai nilai spiritual dan kuasa mistik yang mampu melindungi dan membawa keharmonian kepada pemiliknya sekiranya dilaksanakan mengikut adat dan ritual. Kepercayaan ini adalah didorong oleh agama nenek moyang iaitu Pengarap Lama dan habitat yang menjadi tempat tinggal masyarakat Iban sejak dahulu lagi. Dalam membuktikan hasil dapatan yang kritikal, kaedah*

*penyelidikan berasaskan kualitatif telah dilaksanakan berdasarkan kepada pemerhatian secara langsung, temubual dan dokumentasi. Dapatan penyelidikan mendapati bahawa artifik sakral masih lagi Taboo dalam budaya masyarakat Iban biarpun mereka telah menganuti agama baharu seperti agama Islam dan Kristian. Oleh itu, dalam melestarikan nilai signifikan artifik sakral dalam budaya Iban, maka artikel ini adalah sebagai satu usaha untuk mengaribkan budaya masyarakat berbilang kaum di Sarawak, khususnya masyarakat Iban.*

**Kata kunci:** artifik, budaya, Iban, sakral, Sarawak, warisan

## PENDAHULUAN

Dalam tamadun manusia terdapat beberapa artifik budaya yang di anggap suci dan memiliki nilai sakralnya. Mereka percaya bahawa artifik sakral ini mampu berfungsi dalam pelbagai aktiviti agama dan kerohanian yang melibatkan dunia abstrak dan luar dari pemikiran logik manusia. Bahkan signifikan artifik -artifik sakral ini menjadi suatu lagenda dalam sesbuah kepercayaan. Contohnya seperti, tabut perjanjian suci yang menyimpan harta milik Nabi Musa dan Nabi Harun, cincin Nabi Sulaiman a.s yang dikatakan mampu mengawal segala kehidupan bernyawa di muka bumi atau cangkir suci yang digunakan oleh Jesus semasa jamuan terakhirnya bersama-sama dengan dua belas orang pengikut setianya. Artifik sakral yang diteliti dalam artikel ini, mungkin tidak memiliki nilai signifikan kepada peradaban dunia sebagaimana artifik sakral yang dinyatakan seperti di atas, namun begitu ianya tetap mempunyai nilai yang besar dalam aktiviti sosial masyarakat Iban di Sarawak.

Sejak dahulu lagi mencipta adalah naluri semulajadi manusia yang mana terlahir daripada pengamatan dan pemerhatian yang berlaku dalam tempoh masa yang panjang untuk beradaptasi bagi memenuhi kelangsungan hidup, manifestasi intelektual dan identiti komuniti. Walaupun demikian, inovasi dalam penciptaan artifik budaya manusia tidak hanya terbatas dalam memenuhi keperluan hidup sahaja, namun mencakupi aspek kepercayaan dan kebudayaan. Yakini bahawa, kepercayaan awal masyarakat di Pulau Borneo adalah bersandarkan kepada konsep animisme yang mempercayai bahawa setiap yang wujud dalam alam ini adalah hidup dan mempunyai roh. Oleh itu, pelbagai pantang-larang dan kepercayaan mistik telah diadaptasi dalam budaya hidup mereka untuk tujuan keseimbangan alam di antara dunia manusia dan alam lain.

Bagi masyarakat Iban di Sarawak, kepercayaan mereka terhadap unsur-unsur spiritual adalah sangat kuat dan berkait rapat dengan amalan hidup. Amalan ini secara tidak langsung telah membentuk identiti dalam membezakan masyarakat Iban dengan etnik lain di Malaysia. Keunikan dan kepentingan budaya

masyarakat Iban dalam penelitian etnografi etnik di Borneo telah diperhatikan semasa zaman penjajahan kolonial dan berlalu seingga kini. Masyarakat Iban digambarkan sebagai etnik yang berani, optimis, hidup dalam keadaan berkelompok dan mempunyai sistem pentadbiran sosial secara tradisional serta agresif (Appell, 2001). Pekara ini telah dijelaskan oleh Sutlive (1979) dalam Sather (1994) menyatakan bahawa masyarakat Iban merupakan etnik pribumi yang paling agresif dari semua penduduk pribumi di Borneo. Mereka dianggap sebagai etnik yang kuat, yakin diri dan selalu berperang dengan satu sama lain atau dengan etnik lain dalam meluaskan kuasa dan mencari kawasan penempatan. Masyarakat Iban dilihat sebagai etnik pribumi yang bersifat *homogen* (sejenis sahaja) iaitu tidak ada suku-suku tertentu kecuali dibezakan mengikut batang sungai yang menjadi penempatan mereka. Masyarakat Iban adalah merupakan etnik yang dipercayai menggunakan bahasa yang sama dan mewarisi nilai serta tradisi. Kepercayaan, adat resam serta kebudayaan yang sama (Baring-Gould dan Bampfylde, 1989).

### **Definisi Sakral**

Berdasarkan Zhukovsky dan Pivovarov (2015) sakral adalah istilah dari bahasa latin *Sacrum* yang bermaksud *suci* iaitu merujuk kepada kepada sesebuah perkara yang paling berharga dalam kehidupan manusia dalam memupuk budaya meyakini pencipta yang berkuasa mutlak. Selalunya, dalam memupuk budaya tersebut, manusia akan melakukan ritual dan persembahan bagi tujuan penghormatan. Pengertian mistik atau sakral menurut Bloom (2012) adalah sebagai sebuah pengalaman subjektif tentang pemahaman akan kekuatan kosmik yang lebih besar daripada kuasa manusia dan cukup sulit untuk difahami melalui akal logik manusia. Pernyataan tersebut disokong dengan kenyataan Holifield (1983) bahawa mistik dan sakral adalah satu perasaan yang menyedari akan kehadiran atau keberadaan sesuatu yang tidak dapat dijelaskan kewujudannya melalui proses yang tidak lazim dan secara tiba-tiba.

Berdasarkan Taylor (1871) dalam Shook et.al (2016) menyatakan animisme secara umumnya adalah merujuk kepada suatu doktrin tentang roh dan juga semangat animisme adalah kepercayaan tentang makhluk berjiwa selain manusia meliputi dua bentuk iaitu kepercayaan bahawa manusia mempunyai jiwa yang kekal setelah kematiannya dan kepercayaan bahawa jiwa juga ada pada makhluk lain. Jiwa dan roh itu mesti di hormati agar ia tidak mengganggu kehidupan manusia dan boleh membantu mereka dalam kehidupan ini. Menurut Nasir, et al (2016) cabang-cabang animisme adalah pelbagai dan mempunyai konsep serta sistem kepercayaan yang mendokongi amalan hidup dalam sesebuah komuniti. Artifak atau objek yang digunakan sebagai pengantara dengan kuasa-kuasa spiritual dikenali sebagai *Dinamisme*. Konsep tersebut merupakan cabang dalam kepercayaan *Animisme* yang melakukan penyembahan benda dan objek tertentu

yang dianggap suci dan istimewa. Mereka percaya apabila menyimpan dan memakai artifak tersebut, secara tidak langsung dapat mendatangkan keuntungan, tuah atau terhindar daripada bahaya dan malapetaka (Afandi, 2018).

Berdasarkan kepada Derlon et.al (2010) pengertian “suci” terhadap objek yang dianggap memiliki kuasa yang luar biasa dalam kepercayaan dan kebudayaan manusia telah menjadi satu perbahasan yang bersifat akademik sejak abad ke-19 dan awal abad ke-20, apabila penyelidik antropologi tertarik dengan fenomena spiritual berkaitan dengan ritual, agama, pemahaman dan idea manusia untuk berhubung dengan kuasa luar biasa. Walaupun tidak mempunyai terma yang khusus dalam mentafsirkan artifak yang dianggap ‘suci’ namun jelas bahawa konsep tersebut memerlukan kefahaman logik yang unik mengikut sistem kepercayaan sesebuah budaya (Braun et al, 2000). Menurut Hodder (1994) dalam Hodder (2013) menyatakan objek atau artifak budaya dikategorikan dalam beberapa perspektif iaitu (i) artifak yang mempunyai nilai melalui pengaruhnya terhadap dunia (fungsi, materialistik, atau utilitarian). (ii) artifak yang mempunyai makna dan simbolik dalam sesebuah komunikasi sosial dan (iii) artifak yang dicapai melalui pergaulan masa lalu (asimilasi budaya dan sejarah).

## **PERBINCANGAN LEPAS**

Berdasarkan kepada Winstedt (1961) dalam Hasbullah et.al (2017) mengatakan bahawa kepercayaan penduduk di Nusantara adalah cenderung untuk mempercayai kekuasaan sesuatu benda ghaib sama ada baik atau buruk dan mempunyai makna yang signifikan dalam budaya mereka. Kuasa tersebut dimanifestasikan dalam bentuk semangat seperti semangat padi, semangat pantai dan sebagainya yang dipercayai boleh menentukan masa depan mereka. Menurut Awang Azman Awang Pawi(2013) pandangan dunia secara menyeluruh atau dikenali sebagai *weltanschauung* merujuk kepada kerangka idea dan kepercayaan individu, kumpulan dan budaya dalam menginterpretasikan dunia mereka. Contohnya di Indonesia, sebelum kemasukan agama Hindu Buddha dan Islam, masyarakat pribumi seperti etnik Jawa dan Bali sudah memiliki kepercayaan terhadap animisme dan dinamisme. Kepercayaan tersebut adalah merupakan rasa percaya mereka terhadap kewujudan roh seperti benda-benda, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan manusia itu sendiri. Menurut Safitrf (2013) berdasarkan kepada Koentjaraningrat (1967) dunia ghaib dapat dirasai dengan pelbagai perasaan seperti cinta, hormat, dan bakti. Secara tidak langsung perasaan tersebut telah mendorong manusia untuk berhubung dengan dunia ghaib dan dikenali sebagai kelakuan religi.

Menurut Darmana (2014) dalam budaya pribumi masyarakat Using di Bali, mereka memilih untuk dekat dengan kesakralan amalan nenek moyang mereka.

Idea-idea sakral tersebut telah diselenggarakan dalam bentuk adat dan pantang larang baik dalam pertanian, alam sekitar, pandangan hidup dan kepercayaan. Masyarakat Using percaya bahawa keberadaan unsur-unsur sakral mampu memanifestasikan diri secara nyata di sisi kehidupan dan kepercayaan masyarakat Using di Bali. Contoh artifak atau objek yang dianggap sakral dalam budaya Bali adalah *Barong Using* (Topeng Using). *Barong* (topeng) ini adalah merupakan sebuah topeng yang dicipta menggunakan motif *hybrid* iaitu naga dan harimau serta diadaptasi dari cerita rakyat masyarakat di Pulau Jawa. Kesakralan yang terdapat dalam artifak budaya ini dipercayai mampu menghentikan wabah dan bencana, mendatangkan rezeki dan tempat bersemayam roh yang dikenali sebagai *Buyut Cili* (roh penjaga Pulau Dewata iaitu Bali).

Dalam konteks etnik di Sarawak, masing-masing mempunyai kepercayaan yang dibina dalam lingkungan kehidupan persekitaran mereka. Kewujudan artifak-artifak yang dianggap sakral dalam budaya masyarakat Iban adalah berkait rapat dengan *Pengarap Lama Iban* (kepercayaan nenek moyang Iban). Menurut Kiyai et.al (2019) berdasarkan Sandin (1964) asal-usul *Pengarap Lama* dalam kepercayaan masyarakat Iban adalah berdasarkan kepada Hikayat *Raja Durong*. Cerita rakyat tersebut secara tidak langsung telah melahirkan rasa kepercayaan masyarakat Iban terhadap beberapa kuasa *supernatural* seperti *Petara* (tuhan), kuasa ghaib, semangat orang hidup dan mati, semangat padi, fenomena alam, makhluk hidup dan objek yang tidak bernyawa. Manifestasi kepercayaan ini telah dizahirkan oleh masyarakat Iban melalui proses budaya ketara dan tidak ketara seperti pemujaan dan persembahan *miring* (offering), sampi (puisi doa), pengap (zikir) dan *timang* (invokasi). Selain itu, menurut Béguet (2012) dalam cerita rakyat budaya masyarakat Iban, kewujudan *Petara* dan antu (roh) kerap diperkenalkan melalui cerita-cerita naratif seperti mitos tentang *Seramugah* (tuhan pencipta bumi), *Segundi* (tuhan pencipta air) dan *Segundit* (tuhan pencipta langit). Kepercayaan masyarakat Iban dengan alam ghaib adalah sangat erat, mereka percaya bahawa nasib buruk baik akan dapat ditafsir dengan mendengar bunyi-bunyi burung seperti *ketupong*, *kikih* atau *embuas*, *beragai*, *papau* atau *senabong*, *pangkas* atau *kutok* dan *nendak* (Vinson, 1988: Bilon et.al, 2018).

Menurut Durin (2014) berdasarkan kepada Freeman (1955) sistem kepercayaan masyarakat Iban terhadap alam ghaib adalah sebuah peraturan yang diberikan oleh tuhan. Peraturan ini adalah bertujuan untuk membimbing dan membantu mereka meningkatkan kualiti hidup dan mengelakkan masyarakat Iban dari wabak dan bencana yang tidak diingini. masyarakat Iban pada masa dahulu mempunyai kepercayaan terhadap asal-usul kejadian alam semesta. Masyarakat Iban percaya bahawa semua benda hidup dan bukan hidup mempunyai semangat dan rohnya yang tersendiri seperti gunung, sungai, angin, tanah dan air. Selain itu, masyarakat Iban turut mempercayai bahawa wujudnya kayangan bagi *Urang Iban* yang dinamakan *Panggau Libau* dan *Gelung Batu Nakung* iaitu tempat

tinggal para dewa dan dewi. Masyarakat Iban turut meyakini bahawa kewujudan alam mati atau *Sebayan* iaitu sebagai tempat berkumpulnya roh manusia yang telah meninggal dunia sementara menunggu masa pengadilan terhadap amalan yang dilakukan semasa hidupnya.

## **KAEDAH PENYELIDIKAN**

Penyelidikan ini adalah berbentuk etnografi berdasarkan kepada budaya material masyarakat Iban di Sarawak. Menurut Hanson dan Creswell (2005), kajian etnografi merupakan kajian kualitatif untuk menerangkan, menganalisa dan menginterpretasi bentuk *culture sharing* dalam sesuatu kumpulan seperti tingkah-laku, kepercayaan, bahasa, ekonomi, struktur politik, interaksi, kehidupan dan gaya dalam perhubungan. Selain itu, Darmawan (2008) menyatakan bahawa etnografi adalah sebagai satu bidang kajian yang memberi tumpuan kepada kajian deskriptif dan analisis kebudayaan serta linguistik yang antara lainnya untuk mendeskripsi dan menganalisis kod bahasa. Etnografi juga adalah kajian lapangan yang berbentuk pemerhatian yang sering digunakan dalam kajian sosiologi dan antropologi serta dirujuk sebagai penyelidikan saintifik semula jadi (Marican, 2005). Oleh itu, dapatan data yang dijelaskan dalam artikel ini adalah diperolehi melalui tiga kaedah pengumpulan data iaitu pemerhatian ke lapangan, temubual dan dokumentasi.

Pemerhatian penglibatan ke lapangan adalah merupakan kaedah kualitatif yang dijalankan oleh penyelidik ke kawasan penempatan masyarakat Iban. Kerja lapangan tersebut telah dilakukan secara berfasa bermula dari Januari 2019 sehingga Disember 2019 iaitu selama satu tahun untuk menjelaki tiga buah rumah panjang di daerah yang berlainan di Sarawak. Menurut Kamarul Jasmi (2012) kaedah pemerhatian melalui penglibatan berasal dari bidang antropologi, iaitu kajian tentang kehidupan masyarakat. Penyelidik biasanya melibatkan diri dengan masyarakat yang hendak dikajiinya untuk memahami dengan jelas sesuatu isu yang berkaitan dengan masyarakat tersebut. Alasan penggunaan teknik pemerhatian penglibatan ke lapangan menurut Moleong (2006) iaitu pemerhatian memungkinkan pengkaji untuk melihat, merasakan, dan memaknai dunia beserta ragam peristiwa dan gejala sosial dalamnya, sebagaimana subjek pengkajian melihat, merasakan, dan memaknainya dan pemerhatian memungkinkan pembentukan pengetahuan secara bersama-sama antara pengkaji dan subjek pengkajiannya (intersubjektiviti). Dalam penyelidikan ini, tiga daerah utama telah dikenalpasti dalam penyelidikan ini iaitu di Rumah Liam, Rantau Kembayau, Manis di daerah Lubok Antu, Rumah Kunjang, Etawa Asal, Undop, di daerah Sri Aman dan Rumah Bujang, Rantau Kiran, Nanga Medamit, di daerah Limbang untuk menjalankan kaedah kajian pemerhatian secara pengalibatan dalam

komuniti. Pemilihan rumah panjang tersebut adalah untuk melihat kepelbagaiannya dan variasi dapatan dan data dalam penyelidikan ini.

Dalam proses pengenalpastian jenis-jenis artifak sakral milik masyarakat Iban, penyelidik telah menggunakan kaedah dokumentasi iaitu penyelidik telah menggunakan kamera DSLR (*digital single-lens reflex camera*) untuk mengambil gambar artifak budaya dan kegiatan perlaksaan ritual masyarakat Iban iaitu Upacara *Miring*. Selain itu, penyelidik turut mengambil gambar artifak yang terdapat di rumah panjang dan di dalam penyimpanan koleksi Jabatan Muzium Sarawak (bahagian etnologi). Menurut Lund et.al (2008) mendefinisikan dokumen sebagai hasil usaha manusia untuk mengatakan, memberi arahan, menunjukkan, mengajar, atau melakukan, mendokumentasikan secara ringkas menggunakan alat dan kaedah tertentu. Selain itu, berdasarkan Buckland (2017) dokumentasi adalah satu kaedah pengumpulan, pemilihan, pengolahan dan penyimpanan dalam bidang pengetahuan dan pemberian atau pengumpulan bukti seperti bergambar, keratan akhbar dan sumber data yang lain. Pengertian dokumentasi telah berkembang menjadi lebih kompleks dalam menerangkan kejadian sosial manusia melalui aktivitinya. Oleh itu, dokumentasi digunakan dalam penyelidikan ini untuk mengambar artifak-artifak budaya masyarakat Iban yang dianggap sakral dalam kepercayaan dan amalan mereka di Sarawak.

Kaedah pengumpulan data yang terakhir adalah temubual. Kaedah pengumpulan data yang dilakukan telah dibahagikan kepada dua sasaran. Golongan sasar yang pertama adalah menggunakan kaedah temubual secara berfokus (*focus group interview*) iaitu sebanyak dua belas informan. Di mana penyelidik telah menemubual kumpulan informan yang tinggal dan hidup di rumah panjang berkaitan dengan sejarah artifak, proses pembuatan artifak dan pantang larang artifak sakral dalam masyarakat Iban. Golongan sasar yang kedua adalah masyarakat Iban yang mempunyai kepakaran dan mahir dalam budaya Iban iaitu sebanyak lima orang. Di mana, informan tersebut telah ditemubual (*in-depth interview*) berdasarkan kepada kemahiran dan pengetahuan mereka secara terperinci mengenai adat, kemahiran dan kepercayaan artifak sakral tersebut. Kaedah pengumpulan yang digunakan untuk mendapatkan data adalah menggunakan teknik *Collective Memory* iaitu temubual secara individu (*in-depth interview*) dan kaedah temu bual secara kumpulan berfokus (*focus group interview*).

Menurut Roediger et.al (2015) kaedah pengumpulan data melalui *Collective Memory* adalah dipelopori oleh Halbwachs (1992) iaitu ingatan kolektif dapat difahami sebagai hubungan antara keadaan sekarang dan kenangan masa lalu. Dengan cara ini, ingatan kolektif dapat disimpulkan sebagai penyusunan semula masa lalu sosial dari perspektif masa kini. Andaian asas Halbwachs adalah bahawa ingatan selalu mempunyai akar kolektif. Contohnya, ingatan selalu

menjadi produk kemasyarakatan manusia. Kenangan ini dikembangkan dan dipupuk melalui hubungan manusia dalam masyarakat. Selain itu, menurut De Saint-Laurent (2018) berdasarkan Mead's (1929) *Collective Memory* adalah satu ingatan kolektif yang pada dasarnya merupakan penyusunan semula masa lalu dan menyesuaikan imej, kepercayaan, dan pengalaman tersebut dalam masa kini. Kaedah *Collective Memory* menurut Olick (2011) berdasarkan Olick (1999) menyatakan satu tindakan yang memasukkan faktor representasi kolektif (simbol, makna, naratif, dan ritual yang sedia ada dalam sesbuah masyarakat), struktur budaya, dan kenangan individu yang secara peribadi dan terbentuk oleh sosial budaya. Menurut Misztal (2003) memori manusia dapat diturunkan dalam pelbagai bentuk, iaitu (i) Memori refleksi adalah merupakan ingatan peribadi seseorang yang melibatkan interaksi dengan orang-orang disekitarnya sehingga sulit untuk dilupakan oleh orang yang mengalami peristiwa tersebut. (ii) Memori generasi adalah memori yang diturunkan oleh suatu generasi yang lebih tua kepada generasi penerusnya atau generasi yang lebih muda sehingga memori tersebut terus hidup dalam budaya. Memori ini menyebabkan suatu peristiwa akan terus berlanjutan dan mengalami kemunduran sekiranya dilupakan dan (iii) Memori tradisi adalah satu ingatan yang statik, berorientasi pada masa lalu dan bersifat konservatif. Selain itu, ingatan tersebut adalah tidak luntur dan pudar terhadap perubahan dan sebagai alat untuk mengintergrasikan di antara masa lalu dan masa kini sehingga wujud perkembangan yang seimbang. Dalam penyelidikan ini, kaedah *collective memory* telah diaplkasi melalui penceritaan lisan daripada informan-informan Iban berkaitan dengan kesusasteraan, pantang-larang dan cara pembuatan artifik budaya Iban. Data ini merupakan sebuah kisah yang diceritakan secara turun-temurun dalam budaya Iban dan dirasakan relevan dengan pendekatan penyelidikan ini.

## DAPATAN PENYELIDIKAN

Berdasarkan kepada pendapat informan Jimbun Tawai (65 tahun) dalam kehidupan manusia, terdapat dua kepercayaan yang berkaitan dengan penghidupan roh. Pertama adalah berlaku secara naturalisasi iaitu berdasarkan kepada kepercayaan agama hakiki. Di mana, Tuhan telah mencipta sepasang manusia laki-laki dan perempuan (merujuk kepada Nabi Adam dan Hawa) menurut rupa parasnya dan kemudian berkembang biak lalu mengwujudkan tamadun manusia sehingga kini. Perkara ini banyak dijelaskan dalam kitab-kitab agama di seluruh dunia seperti *Quran*, *Bible* dan beberapa penulisan kuno melalui temuan arkeologi di Mesir dan Babylon kuno. Selain itu, beliau tidak menolak kemungkinan bahawa kumpulan masyarakat iaitu merujuk kepada masyarakat Iban yang masih menganuti kepercayaan *animisme* mampu untuk memberikan kehidupan secara abstrak kepada objek atau benda alam yang dirasakan mempunyai nilai yang signifikan dalam keperluan hidup dan budaya


seseorang individu atau komuniti melalui upacara ritual, pemujaan dan memberikan korban penyembahan ke atas artifak budaya tersebut. Pemujaan dan perlaksaan ritual tersebut haruslah diikuti dengan rasa percaya dan yakin akan kewujudan kuasa spiritual tersebut bagi memohon bantuan dan keberkatan daripada kekuasaannya.

Menurut informan Datuk Sri Edmmund Langgu (85 tahun) berdasarkan kepada kosmologi Iban, masyarakatnya percaya bahawa *Antu* (roh) dan *Mensia* (masyarakat Iban) tinggal berdekatan antara satu sama lain. Mereka percaya bahawa dunia ibarat sebatang sungai yang panjang, di mana *Urang Panggau* (dewa-dewi) tinggal di hilir, *Mensia* (masyarakat Iban) menetap di tengah dan *Sebayan* (akhirat) menghuni hulu sungai. Selain itu, dalam budaya Iban mereka percaya akan kewujudan *Antu* (roh) yang terdiri dari *Antu Manah* iaitu roh yang baik dan selalu menolong manakala *Antu Jai* adalah roh jahat yang selalu memberikan kemudarat dan bencana yang berterusan kepada masyarakat Iban seperti penyakit dan kemarau. Oleh itu, bagi menyeimbangi aura *Antu* tersebut, maka terdapat beberapa beberapa artifak sakral yang dipercayai mampu menjadi pengantara keseimbangan dalam hubungan masyarakat Iban dan kuasa ghaib.

Secara umumnya, artifak budaya yang terdapat dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak dapat dikategorikan kepada dua iaitu artifak *non-sakral* dan artifak sakral. Artifak *non-spiritual* adalah merujuk kepada objek yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari oleh masyarakat Iban dan tidak memiliki unsur-unsur spiritual. Menurut informan Kiyai Uri (65 tahun) artifak budaya tersebut banyak digunakan dalam kegiatan ekonomi dan sara diri seperti bertanam padi huma, memburu binatang hutan, menangkap ikan di sungai dan mengumpul hasil hutan. Walau bagaimanapun, beberapa artifak budaya *non-spiritual* turut digunakan dalam upacara dan ritual masyarakat Iban namun tidak memiliki signifikan yang begitu penting sebagaimana artifak yang telah dikhususkan sebagai artifak sakral. Manakala artifak sakral adalah merujuk secara khusus kepada objek yang digunakan dalam upacara dan ritual Iban. Artifak budaya tersebut memiliki cerita dan pantang larang dalam memelihara nilai sakralnya bagi kepercayaan sebuah masyarakat.

Hierarki artifak sakral milik masyarakat Iban telah diklasifikasikan kepada beberapa kategori mengikut kepada keperluannya dalam budaya Iban. Hierarki tersebut telah dibuat berdasarkan kepada penelitian dan temubual bersama-sama dengan pakar budaya Iban berdasarkan fungsi dan pantang-larang yang paling dominan dalam kehidupan berbudaya masyarakat Iban di Sarawak. Bagi menjadikan penyelidikan ini lebih bersistematik dan mudah untuk difahami, maka gambaran secara rajah akan dibangunkan dalam artikel ini untuk memberikan hierarki artifak sakral Iban tersebut secara menyeluruh dan

komprehensif. Rajah 1 merupakan heriarki bagi artifikat sakral milik masyarakat Iban;



Rajah 1: Heriarki dan klasifikasi artifikat sakral *Iban* (Sumber: diubahsuai dari kerja lapangan, 2019)

Yakini bahawa *Pua Kumbu* merupakan artifikat budaya yang paling sakral dalam budaya Iban. Masyarakat Iban percaya bahawa *Pua Kumbu* merupakan sebuah objek yang menjadi pengenalan diri mereka kepada *Petara*, kepentingan *Pua Kumbu* ini sangat signifikan dalam masyarakat Iban sehingga ada yang berpendapat bahawa sekiranya sesebuah keluarga tersebut tidak memiliki *Pua Kumbu*, mereka boleh dianggap terkeluar dari budaya Iban (Tugang, 2014). Menurut informan *Lemambang (bard)* Abang Entrey (81 tahun) penggunaan *Pua Kumbu* dalam budaya Iban adalah berawal dari kisah Menggin yang berburu di hutan dan bertemu dengan anak perempuan Dewa Sengalang Burung iaitu Dara Tinchin Tembaga mencari *Pua Kumbu* miliknya yang hilang. Kemudian mereka telah berkahwin lalu memiliki seorang anak iaitu separuh manusia dan separuh dewa yang dinamakan sebagai Sera Gunting. Selepas beberapa purnama, Menggin dan anaknya telah kembali ke dunia *Mensia* (manusia) dan dibekalkan dengan *Baju Burung* serta *Kain Kebat (Pua Kumbu)* agar terus saling mengingati dan mendekatkan diri dengan *Petara* (tuhan), khususnya masyarakat Iban. Oleh kerana itu, setiap ritual dan amalan yang dilaksanakan oleh masyarakat Iban, tekstil *Pua Kumbu* selalu diutamakan dalam budaya Iban.

Seterusnya, di heriarki kedua adalah *Antu Pala*. Artifikat budaya *Antu Pala* atau dikenali sebagai *relik* dalam terma permuziuman merupakan sebuah artifikat yang harus diperolehi dengan sifat keberanian dan kemahiran yang tinggi dalam budaya *Ngayau Iban*. Perkara ini adalah berkaitan dengan nasib dan keberuntungan, bahawa bukan semua pahlawan Iban yang turun melakukan ekspedisi *Ngayau* berjaya membawa balik *Antu Pala*. Sesetengah daripadanya

telah terkorban dan dibunuh oleh masyarakat Iban atau etnik lain, kerana *Ngayau* merupakan sebuah tradisi kuno yang telah diamalkan secara berleluasa sebelum ketibaan James Brooke ke Sarawak pada tahun 1842 sebagai sebuah manifestasi adat dan pertahanan diri.

Heriarki ketiga adalah merujuk kepada artifak budaya yang diperbuat daripada seramik seperti *Tajau*. Awalnya, *Tajau* digunakan sebagai objek penyimpan untuk beras, garam dan emas yang dibawakan oleh pedagang China ke Sarawak pada abad ke-14 dan abad ke-15, namun reka bentuk yang menarik telah mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Iban untuk dijadikan sebagai harta dan status sosial. Seiringan dengan itu, masyarakat Iban telah memobilisasikan *Tajau* sebagai sebuah artifak budaya sakral berdasarkan kepada kepercayaan dan penggunaan objek tersebut dalam amalan dan ritual Iban (Tugang, 2011).

Heriarki yang terakhir adalah peralatan perang Iban, perkara ini adalah merujuk semula kepada kefahaman *Adat Ngayau Iban*. Masyarakat Iban percaya bahawa, untuk melaksanakan ekspedisi *Ngayau*, keberanian haruslah disusuli dengan keberuntungan yang diperolehi dari penggunaan senjata perang seperti *Nyabor* dan *Terabai* yang dianggap sakral dalam budaya Iban. Senjata perang tersebut haruslah dibuat oleh pakar yang pernah menang dalam perang dan melalui ritual yang khusus bagi memberkati artifak budaya perang tersebut.

### **Signifikan Artifak Sakral Dalam Budaya Iban**

Berdasarkan kepada Rajah 1 iaitu heriarki dan klasifikasi artifak sakral Iban, jelas menunjukkan bahawa kesemua artifak budaya tersebut memiliki nilai yang sangat signifikan dalam kebudayaan dan kepercayaan masyarakat Iban. Nilai-nilai signifikan artifak budaya dapat dilihat dengan jelas berdasarkan kepada fungsi, kepercayaan dan kearifan tempatannya seperti:

#### ***Pua Kumbu***

*Pua Kumbu* merupakan tekstil Iban yang mempunyai motif dihasilkan oleh masyarakat Iban sejak turun temurun. *Pua Kumbu* merupakan artifak sakral yang paling dominan dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak dan mempunyai heriarki yang tertinggi dalam sistem kepercayaan dan kosmologi Iban. Menurut informan Beol Dingin (80 tahun) *Pua Kumbu* adalah sebagai tanda pengenalan diri masyarakat Iban agar *Petara* (Tuhan) selalu mengingati mereka. *Pua Kumbu* mempunyai nilai yang sangat signifikan dalam masyarakat Iban melebihi artifak budaya Iban yang lain. Setiap perlaksanaan ritual dan upacara penting di rumah panjang Iban haruslah mengutamakan *Pua Kumbu* sebagai artifak sakral. Oleh sebab itu, sejak berumur 10 tahun lagi wanita Iban telah diajar dan di dedahkan

dengan proses menenun kain. Dalam proses menenun *Pua*, wanita Iban harus menunggu mimpi yang baik daripada *Antu* (roh) untuk mendapatkan restu agar proses menenun berjalan dengan lancar.



Foto 1: *Pua Kumbu* (Sumber: Kerja lapangan ke Undop, Sri Aman, 2019)

Fungsi *Pua Kumbu* sebagai artifak sakral adalah pelbagai, contohnya apabila berlaku kematian dalam sesebuah rumah panjang Iban, maka *Pua Kumbu* akan digantungkan di *Ruai* (ruang tengah) sebagai *Sapat* (pengantara yang dibentuk segi empat) sebagai tanda pemisah di antara dunia roh dan manusia. Menurut informan Maria Liban (70 tahun) roh orang mati yang *sigau* (berkeliaran) akan mengetahui batas mereka dan tidak membawa malapetaka yang lebih buruk ke dalam rumah panjang. Selain itu, *Pua Kumbu* berfungsi sebagai artifak sakral yang digunakan oleh wanita Iban untuk menyambut kepala musuh yang diperolehi dari ekspedisi *Ngayau* sebagai tanda kemenangan di medan perang. Kepala musuh akan disambut menggunakan pinggan seramik dan dilapis dengan *Pua Kumbu* yang mempunyai motif *Bali Belumpung* atau *Lebur Api* sebelum diarak dan diraikan dalam upacara *Ngelalu Ka Bujang Berani* (upacara mengalukan pahlawan Iban yang berani). Bagi wanita Iban yang baru melahirkan anak, anak tersebut akan disambut menggunakan *Pua kumbu* yang mempunyai motif-motif flora bagi mengelakkan bayi baru lahir diganggu oleh roh jahat yang dipercayai mengemari darah bayi. Bayi yang baharu lahir kemudiannya, akan diselimuti dengan *Pua Kumbu* sehingga tiba masa yang sesuai untuk membuat upacara *Meri Anak Mandi* (upacara memandikan bayi) bagi memilih nama yang sesuai kepada bayi tersebut.

Dalam menghasilkan sesebuah *Pua Kumbu*, proses pembuatannya adalah sangat taboo dan penuh dengan adat-istiadat. Masyarakat Iban percaya, kegunaan *Pua* adalah sebagai pengenalan diri kepada *Petara* (tuhan) dan diangkat menjadi artifak budaya yang sakral dalam upacara dan ritual Iban. Sebelum menghasilkan sesebuah tenunan, wanita Iban harus menunggu mimpi yang baik dan mengembirakan daripada *Petara* (tuhan). Perkara ini adalah bertujuan untuk mendapatkan restu daripada *Petara* (tuhan) supaya proses tenunan yang akan dilakukan berjalan dengan lancar. Menurut informan Maria Liban (70 tahun) mengatakan masyarakat Iban percaya bahawa setiap tenunan dan motif yang terdapat pada pua kumbu adalah diturunkan oleh *Petara* (tuhan) melalui mimpi. Motif yang berstatus besar seperti motif *Nabau* (ular besar) dan *Engekeramba* (hantu) tidak boleh ditenun oleh orang kebanyakan, penenun haruslah seorang wanita yang mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat Iban yang dinamakan *Indu Nakar Indu Ngar* dan *Indu Pandai Indu Julai Tau Nacai Gajai Lebor Api* (gelaran wanita mahir menenun *pua*). Menurut informan Beul Dingin (80 Tahun) wanita yang di bawah umur atau belum layak menenun corak yang tinggi haruslah bermula dengan motif-motif biasa seperti motif-motif tumbuhan untuk mereka mengasah kemahiran dalam bertenun. Selain itu, sebelum memulakan aktiviti menenun satu upacara ritual harus dilakukan terlebih dahulu dengan memberi persembahan piring yang berisi makanan kepada para *Urang Panggau* (dewa-dewi) untuk melindungi mereka semasa menenun *Pua* bagi menghindar nasib malang.





Foto 2: Motif *Nabau* (Naga) (gambar diambil daripada arkib Jabatan Muzium Sarawak, 2019)

Berdasarkan kepada foto 2, motif *Nabau* (Naga) dipercayai sebagai motif yang paling *taboo* dan tinggi dalam status rekaan motif kain dan *pua* Iban. Motif *Nabau* hanya boleh ditenun oleh wanita yang telah menyelesaikan tujuh jenis corak kain tenun yang bukan bermotifkan *Nabau*. Menurut informan Suga Jaya (50 tahun) mengatakan sebelum menenun motif tersebut, kain yang digunakan untuk menenun haruslah dijemur selama tujuh hari tujuh malam. Selama proses tersebut, penenun diwajibkan untuk tidur di luar rumah selama tempoh tujuh hari. Tujuannya adalah untuk memperolehi mimpi, namun jika penenun tidak

bermimpi atau mengalami mimpi buruk sepanjang tempoh tersebut maka niat untuk menenun motif *Nabau* itu hendaklah dibatalkan dengan serta merta. Pekara ini adalah berkait rapat dengan kepercayaan Iban yang meyakini bahawa *Nabau* (ular besar) sebagai binatang yang dipuja kerana dapat melindungi mereka dari bahaya dan merupakan simbol kekuatan serta kemakmuran.



Engkaramba engkatak:  
frog figure




Foto 3: Jenis Motif *Pua* Iban (i), (ii) dan (iii) (gambar diambil daripada arkib Jabatan Muzium Sarawak, 2019)



Engkarong: lizard (skink)

Menurut informan Banggie Embol (75 tahun) selain motif *Raja Nabau*, motif lain seperti motif (i) *engkaramba Katak* (Hantu Katak), (ii) *Bayu* (buaya) dan (iii) *Engkarong* (Mengkarung) merupakan motif-motif yang taboo dalam tenunan kain dan pua kerana merupakan motif hidup. Menurut informan Dammy Busang (50 tahun) dalam rekaan corak pua Saribas, motif *lebur api* merupakan corak yang paling tinggi statusnya dalam penciptaan motif-motif Iban. Motif *lebur api* yang terdapat dalam tenunan *Pua* adalah merujuk kepada kompasasi benang yang ditenun secara berbeza iaitu disebut sebagai corak “panas putih” atau ‘putih panas’ yang melambangkan api yang sedang marak. Makna “Api putih” dalam budaya Iban digambarkan sebagai tanda yang negatif, pemarah dan penuh dendam. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada tradisi lisan Iban di Batang Ai terdapat sebuah motif yang paling sakral iaitu motif *Bali belumpung*. Ciri-ciri motif *Bali Belumpung* adalah mempunyai motif yang kosong ditengahnya dan dihiasi dengan motif pucuk rebung dikedua-dua sisinya. Tujuan penenun membiarkan corak kosong di tengah kerana bahagian tersebut digunakan untuk menyambut kepala musuh. Menurutnya lagi, pada zaman dahulu, wanita Iban tidak kisah menjadi balu dalam usia muda, asalkan suami mereka berjaya memperolehi kepala musuh dalam ekspedisi Ngayau.

### *Antu Pala*

*Antu Pala* atau kepala musuh adalah artifak sakral yang diperolehi daripada ekspedisi *Ngayau*. Masyarakat Iban percaya, kepala yang diperolehi dari perang mempunyai kuasa spiritualnya yang dapat membantu masyarakat Iban dalam

pelbagai pekara terutamanya dalam perubatan tradisional Iban. Menurut informan Datuk Sri Edmmund Langgu (85 tahun) dalam amalan *Ngayau* terdapat dua jenis *Kayau* (perang) iaitu *Kayau Serang* (perang besar) dan *Kayau Anak* (perang dalam kumpulan yang kecil). *Kayau Serang* adalah melibatkan serangan secara beramai-ramai, manakala *Kayau anak* selalunya dilakukan secara secara serangan hendap terhadap tiga atau dua orang. Selepas mengalahkan musuh, kaum lelaki Iban yang memang harus memenggal kepala musuh dan merampas segala harta benda milik mereka. Bagi musuh yang terselamat dan masih hidup akan dibawa balik untuk dijadikan hamba dan *Anak Umbung* (anak perempuan) ketua musuh tersebut harus dijadikan sebagai isteri.



Foto 4: *Antu Pala* (Sumber: Kerja lapangan ke Jabatan Muzium Sarawak, 2019)

Amalan pemilikan *antu pala* dalam budaya Iban adalah dipengaruhi oleh budaya *Ngayau*. Bagi masyarakat Iban, budaya *Ngayau* secara dominannya dipengaruhi oleh *adat bejalai* (mengembara). Menurut informan Mat Minggan (70 tahun) *Adat Bejalai* telah mendorong setiap pemimpin Iban berperang untuk menerokai kawasan baharu. Masyarakat Iban amat menyanjung tinggi budaya *bejalai* kerana dikaitkan dengan elemen kepercayaan spiritual, nilai sosial dan mitologi, iaitu seseorang lelaki Iban yang *bejalai* akan membawa rohnya bersama-sama menempuh alam spiritual tersebut. Selain itu, budaya *bejalai* (mengembara) adalah kerana terlibat dalam kegiatan perdagangan seperti mencari *tajau* (tembikar) yang dapat mengangkat martabat sosial sehingga mereka sanggup *bejalai* dari wilayah sosial mereka. Semasa ekspedisi *Ngayau*, pahlawan Iban yang telah berjaya mengalahkan musuh haruslah memenggal kepala musuh yang telah mereka bunuh sebagai tanda kemenangan dan keberanian.

Para pahlawan Iban yang berjaya membawa balik kepala musuh ke rumah panjang akan disambut sebagai *Bujang Berani*. Setibanya dari ekspedisi *Ngayau*,

pahlawan Iban akan berteriak sekuat-kuatnya di pintu rumah bagi menandakan mereka sudah sampai membawa *antu pala* sebagai simbol kemenangan. Kepulangan tersebut akan disambut dengan pukulan gong secara bertalu-talu bagi memaklumkan seluruh penduduk di rumah panjang, berita akan kemenangan tersebut. *Antu pala* (kepala manusia) yang dibawa balik akan disambut oleh anak gadis yang dipilih oleh keluarga pahlawan sebagai calon isteri dengan menggunakan pinggan seramik dan dialas dengan *Pua Kumbu* yang mempunyai motif *Lebur Api* dan *Bali Belumpung*. Menurut informan Gabi Uri (60 tahun) wanita Iban pada zaman dahulu tidak peduli seandainya menjadi balu di usia muda, asalkan suami mereka dapat membawa balik kepala musuh bagi memiliki gelar *Bujang Berani* dari masyarakat Iban. Oleh itu, semasa proses meminang anak gadis, lelaki Iban harus menyediakan *antu pala* (kepala musuh) sebagai hantaran perkahwinan sebagai tanda keberanian dan tinggi tarafnya sebagai kelompok sosial masyarakat Iban.

Menurut informan Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang (80 tahun) sebelum menjalankan ekspedisi *Ngayau* satu upacara akan diadakan iaitu *Gawai Kenyalang*. Menurut sumber lisan Iban dari Saribas *Gawai Kenyalang* merupakan *Gawai* yang paling tinggi dan besar Iban kerana sambutannya merupakan pesanan atau permintaan khusus oleh *Petara* melalui mimpi kepada masyarakat Iban. Masyarakat Iban percaya bahawa setiap pesanan *Petara* harus dilaksanakan sebagai satu kewajiban bagi mengelakan bencana dan hal-hal yang tidak baik berlaku di rumah panjang. Dalam kosmologi Iban mengatakan bahawa *Gawai Kenyalang* merupakan upacara ritual yang dibuat oleh *Urang Panggau* (dewa-dewi) di *Panggau Libau* bagi meraikan Dewa *Sengalang Burung* (Dewa Perang). Di dunia manusia, *Sengalang Burung* dikenali sebagai burung enggang (*Rhinoceros Hornbill*) iaitu merupakan raja segala burung. Oleh itu, terdapat tiga tujuan utama sambutan *Gawai Kenyalang* iaitu (i) untuk meraikan dan memberkati perjalanan *Tuai Kayau* bersama pengikutnya sebelum mereka melakukan ekspedisi *Ngayau*. (ii) Seseorang (biasanya pahlawan) yang dikehendaki oleh *Petara* (tuhan) melalui mimpi untuk mengadakan gawai. (iii) meraikan hasil pertanian yang lumayan dan barang-barang berharga hasil daripada aktiviti *Bejalai* (mengembala). Sememangnya, sambutan *Gawai Kenyalang* ini akan melibatkan kos yang besar, tempoh masa yang lama (tujuh hari tujuh malam) dan tenaga kerja yang ramai bagi menjayakannya.

Menurut informan *Lemambahang (bard)* Abang Entrey (81 tahun) masyarakat Iban percaya bahawa kepala musuh yang diperolehi dari perang mempunyai kuasa spiritualnya tersendiri. Mereka percaya bahawa *antu pala* dapat membantu masyarakat Iban dalam pelbagai perkara terutamanya dalam perubatan tradisional Iban. Contohnya, *Upacara Gawai Burung* akan diadakan untuk mengubati pesakit yang tenat dan dipercayai diganggu oleh *Antu Jai* (roh jahat) atau terkena sihir. Bagi mengubatinya, maka *Manang* (bomoh) akan menggunakan kuasa *Antu*

*Pala* bagi memohon restu dan pertolongan daripada *Petara* untuk proses penyembuhan. Selain itu, kedatangan musim kemarau selalu memberi kesulitan kepada masyarakat Iban yang menjalankan aktiviti penanaman padi bukit. Tanaman padi yang tidak menjadi akibat struktur tanah yang kering dan kontang akan memberi kesan kepada sumber makanan harian masyarakat Iban. Bagi mengatasi masalah tersebut, masyarakat Iban menggunakan kekuatan spiritual *Antu pala* untuk memanggil hujan. Selain itu, masyarakat Iban percaya bahawa *Antu Pala* dapat memberi kekayaan kepada pemiliknya serta boleh dijadikan azimat untuk menjaga rumah panjang dan sawah milik mereka daripada pencuri dan binatang berbisa. Pada masa dahulu, untuk mengekalkan nilai sakral yang terdapat pada *Antu Pala* tersebut haruslah selalu diberikan persembahan makanan pada setiap bulan. Walau bagaimanapun, sekiranya *antu kepala* tidak mampu untuk memenuhi keinginan pemiliknya lagi, maka mereka harus menjalankan ekspedisi *Ngayau* semula bagi mendapatkan kepala musuh yang baharu. Namun kini, amalan tersebut sudah tidak diamalkan lagi dalam kebudayaan masyarakat Iban setelah dihapuskan oleh Rajah Brooke pada tahun 1849 iaitu selepas kekalahan Iban dari Saribas dan Skrang dalam perperangan dengan askar Brooke di Beting Marau.

### **Tajau**

Menurut informan Peter Siman (52 tahun) *Tajau* adalah tembikar yang dibawa oleh pedagang dari China semasa abad ke-16 lagi ke Borneo melalui perdagangan maritim di Selat China Selatan yang terus masuk ke perlabuhan Santubong. Reka bentuk *Tajau* yang menarik telah menambat hati penduduk pribumi dan mengadaptasinya sebagai satu komponen penting dalam artifak budaya Iban khususnya dan diangkat menjadi objek yang sakral. Dahulu setiap kali masyarakat Iban memperolehi atau membeli *Tajau* mereka akan merayakan *Gawai Tajau* (perayaan memberkati tembikar). Semasa upacara *Gawai Tajau*, beberapa buah *tajau* yang besar akan diletakan di *Ruai* (ruang utama di rumah panjang) bersama-sama dengan *tajau* yang baru diperolehi. Kemudian *tajau* tersebut akan dibaluti dengan *Pua Kumbu* dan dibacakan mentera oleh *Lemambahang (Bard)* sepanjang malam. *Tajau-tajau* tersebut turut dihidangkan dengan persembahan *piring* yang berisi kuih penjaram, air tapai, daun sirih, *rokok apung*, tembakau, bertih padi, nasi pulut, buah pinang, garam, telur ayam dan nasi putih. Tujuan persembahan *Piring* adalah untuk dipersembahkan kepada Dewa Pertanian iaitu *Sempulang Gana*. Setelah siap semua upacara *Gawai Tajau*, barulah *tajau* tersebut akan dibawa masuk ke dalam ruang bilik.



Foto 5: *Tajau Iban*

(Sumber: Kerja lapangan Ke Rantau Kembayau Manis, Lubok Antu, 2019)

Dalam budaya Iban, penggunaan *Tajau* mempunyai pelbagai makna berdasarkan kepada jenis tajau, saiz, reka bentuk, dan estetikanya. Menurut informan *Lemambang* Ijau (80 tahun) masyarakat Iban percaya bahawa *Tajau lama* (tembikar pusaka) merupakan artifak seramik yang sakral dan memiliki kuasa sakti dipercayai dapat membantu serta mendatangkan rezeki kepada pemiliknya. Mereka percaya bahawa *Tajau* yang dimiliki harus diberi persembahan makanan iaitu dan pelantar khas sebagai tempat tinggalnya. *Tajau lama* tidak boleh dipindahkan secara sesuka hati dalam ruang bilik masyarakat Iban, harus dipindahkan menggunakan *piring* bagi menjaga perasaan *Tajau* tersebut. Pekara tersebut adalah kerana masyarakat Iban percaya bahawa *tajau lama* ini mempunyai nyawa dan jantina seperti manusia.

Selain itu, menurut informan *Lemambang* Buchaw Undan (73 tahun) *Tajau Guchi* turut diklasifikasikan sebagai artifak seramik yang sakral dalam budaya Iban. Masyarakat Iban percaya *Tajau Guchi* mampu dijadikan azimat untuk memperolehi harta kekayaan dan kekuatan. Pemilik yang menyimpan *Tajau Guchi* dipercayai mampu berkomunikasi dengan semangatnya melalui mimpi dan petanda yang dibawa oleh binatang seperti burung dan ular. *Tajau Guchi* beperanan penting dalam tujuan upacara dan ritual, di mana *Lemambang* (*bard*) *Tukang Sabak* (*crying ladies*) dan *Manang* (*shaman*) akan menggunakan *Tajau Guchi* sebagai artifak untuk mengurung roh pesakit atau dirinya sendiri semasa melakukan ritual agar tidak dibawa ke alam kematian.

### Peralatan Perang Iban

Dalam peralatan perang Iban terdapat beberapa jenis artifak budaya yang dianggap sakral iaitu Duku (parang) dan Terabai (Perisai). Dalam konteks

peralatan tajam iaitu *Duku* (parang) terdapat tiga jenis *Duku* (parang) yang digunakan oleh kaum lelaki Iban dalam ekspedisi *Ngayau*. Parang Iban yang tertinggi dikenali sebagai *Nyabur*, kemudianya adalah *Langgai Tinggang*, *Jimpul* dan parang yang paling rendah tarafnya adalah *Ilang* atau dikenali sebagai *Mandau*. Parang Iban dibuat menggunakan dwi material iaitu menggunakan kayu (*belian*, *medang* dan *gerunggang*) atau tulang rusa dan besi sebagai material utama. Bilah parang besi tersebut akan dibuat melalui teknik *Ngambuh* (menempa besi).



Foto 6: *Parang Iban* (Sumber: Kerja Lapangan ke Simposium Ngepan Iban di Betong pada 1-2 November 2019)

Bagi hulu dan sarung besi akan diukir dan dililitkan dengan tali rotan, kemudian ditambah dengan material seperti rambut manusia, tulang dan bulu binatang. Pemilihan aksesori ini adalah berdasarkan kepada keinginan pemiliknya untuk menghiasinya agar menjadi lebih cantik. Sebagaimana senjata lain dalam budaya nusantara, masyarakat Iban percaya bahawa parang Iban yang dihasilkan oleh mereka memiliki kekuatan spiritualnya yang tersendiri untuk berperang dengan musuh. Proses yang paling sukar dalam pembuatan parang Iban adalah proses mengikir bungai atau mata kunding iaitu proses mengukir motif pada hulu besi. Pekara ini adalah kerana, ukiran tersebut hanya boleh dilakukan oleh lelaki Iban yang pernah *bedengah* sahaja (memengal kepala musuh). Menurut informan Janet Rata Noel (45 tahun) Selain kegunaan sebagai logistik perang dalam ekspedisi ngayau, duku ilang juga berfungsi sebagai artifak budaya dalam upacara ritual masyarakat Iban seperti *miring* dan *belian* (upacara ritual masyarakat Iban) serta sebagai perhiasan dalam ngepan laki Iban (busana lelaki Iban).



Foto 7 :Terabai Iban (Sumber: Kerja Lapangan ke Jabatan Muzium Sarawak, 2019)

*Terabai* merupakan salah satu artifak perang yang penting dalam masyarakat Iban. *Terabai* atau perisai pada asasnya dibuat menggunakan kayu tebelian yang kemudian dibentuk dan diukir mengikut corak Iban. Lilian tepi *Terabai* adalah 12.5 cm, lebarnya adalah 45 cm dan tinggi *Terabai* adalah 103 cm. Menurut informan Jantan Umbat (68 tahun) berdasarkan kisah lagenda Iban iaitu *Lang Ngindang* dan *Lang Kachang*, menjelaskan bagaimana seni ukiran kayu ini boleh beasimulasi dengan kebudayaan kaum Iban. Pada ketika itu, menoa ataupun penempatan orang Iban masih dalam keadaan liar dan selalu berperang antara satu sama lain. Masyarakat Iban mengelarkannya sebagai *Menoa agi Siga* atau penempatan masih liar. Jadi untuk menakuti para musuh yang datang menyerang, kaum Iban menggunakan serangan psikologi iaitu mengukir ukiran kayu dengan gaya seni ukir yang dianggap menakutkan bagi melemahkan dan mengerukan semangat musuh. Oleh sebab itu, ukiran yang terdapat pada motif *Terabai* sangatlah dititikberatkan agar membantu para pahlawan Iban menjadi lebih berani dalam medan perang untuk mengalahkan musuh. Selalunya motif ukiran yang terdapat dalam *Terabai Iban* adalah dipengaruhi oleh dewa-dewa perang Iban seperti *Keling Gerasi Nanding*, *Laja Mirah Mua Nekang Jerenang*, *Simpurai*, *Muntigerai*, *Sepatu Manuk Antu*, *Sepungga Lumpung Nangga* dan *Pandak Segatak*. Masyarakat Iban percaya dewa-dewa perang inilah yang bertanggungjawab dan melindungi masyarakat Iban dari ancaman dunia. Motif-motif yang terdapat dalam ukiran *Terabai* adalah interpretasi masyarakat Iban terhadap dewa perang Iban dan juga simbol-simbol yang diyakini memberikan pahlawan Iban kekuatan secara spiritual. Ukiran motif yang terdapat *Terabai Iban* tidak boleh dihasilkan sembarangan kecuali dipilih oleh *Petara* melalui mimpi.

## **PERBINCANGAN**

Perkembangan globalisasi dan anutan agama baharu tidak menghalang dan melunturkan kepercayaan masyarakat Iban terhadap pekara yang berkait rapat dengan mistik. Mereka secara peribadi masih meyakini akan nilai-nilai spiritual yang terdapat dalam artifak sakral budaya Iban. Berdasarkan kepada penelitian ini, terdapat beberapa faktor yang dirasakan dominan dalam mempengaruhi cara pemikiran masyarakat Iban mengaspirasikan artifak sakral bagi tujuan yang fungsional dalam amalan, budaya dan kepercayaan mereka.

Faktor utama yang mendorong kepada kecenderungan masayarakat Iban mempercayai unsur-unsur spiritual dalam budaya adalah berkait rapat dengan kepercayaan *animisme* iaitu *Pengarap Lama* (agama nenek moyang). Kepercayaan tersebut telah berasimilasi dengan kepercayaan Hindu Buddha yang berkembang di kepulauan Borneo sekitarnya abad ke-4 lagi, berdasarkan kepada kewujudan kerajaan kuno Kutai Martadipura yang terletak di Utara Kalimantan dan meluaskan pengaruhnya dalam perkembangan agama *animisme* masyarakat pribumi di Borneo pada abad ke-4 Masehi. Secara tidak langsung, asimilasi tersebut telah mempengaruhi amalan dan kepercayaan pribumi di Sarawak, Brunei, Sabah dan Kalimantan dalam membangunkan budayanya. Oleh itu, telah wujud persamaan dalam budaya, bahasa, manifestasi ritual dan penggunaan artifak sakral dalam kalangan etnik pribumi di Borneo. Bagi masyarakat Iban di Sarawak, beberapa artifak budaya yang diyakini menjadi perlindung, mampu menghindari mereka dari malapetaka serta dapat memberikan rezeki yang berlimpah ruah kepada pemiliknya. Contohnya seperti *Upacara Miring (offering)*, upacara ini mempunyai persamaan dengan masyarakat Jawa dan Bali di Indonesia yang mengamalkan konsep *Sesajen* iaitu memberi persembahan berisi makanan tradisional masyarakat peribumi kepada kuasa-kuasa ghaib untuk memohon keberkatan dan perlindungan. Bagi *upacara Miring* masyarakat Iban, artifak-artifak budaya seperti *pua kumbu*, *duku Iban* dan seramik akan digunakan dalam pelaksanaan upacara tersebut sebagai memenuhi keperluan adat dan pantang larang masyarakat Iban.



Foto 8: *Upacara Miring Iban* (Sumber: Kerja lapangan ke Rantau kembayau Manis, Lubok Antu, 2019)

Keadaan sumber ekonomi masyarakat Iban yang bergantung penuh dengan alam sekeliling seperti menanam padi huma, mengumpul hasil hutan dan menangkap ikan menyebabkan mereka mempercayai kuasa-kuasa spiritual. Contohnya, semasa ingin membuka *Umai* (bendang) baharu, maka masyarakat Iban akan mengadakan upacara *Gawai Batu* iaitu sebuah upacara memberkati peralatan untuk menanam padi seperti *penuggal*, *seluk*, dan *duku* yang dialas menggunakan *Pua Kumbu* sebagai tanda memohon keberkatan dari Dewa Pertanian, *Raja Sempulang Gana* agar tanaman mereka subur dan hasilnya akan berlimpah ruah. Perlaksanaan ritual dan upacara tersebut berlanjutan secara berperingkat sehingga tamatnya proses menuai padi yang disambut sebagai upacara *Gawai Dayak* kini, bagi mengucapkan rasa syukur kepada *Petara* atas hasil tuaian yang telah diberikan. Masyarakat Iban percaya padi yang subur adalah petanda yang baik untuk mengembangkan keluarga yang harmoni dan bersahsiah mulia.

Dalam sudut perspektif sosial, masyarakat Iban memiliki sifat ghairah dalam mengumpul dan memperolehi seramik-seramik dari China untuk dijadikan sebagai harta pusaka. Pekara ini, secara tidak langsung telah menjadi faktor pendorong kepada kewujudan seramik sebagai artifak sakral dalam budaya Iban. Perilaku yang dikenali sebagai *fetish* dalam terma *muziology* adalah berkait rapat dengan *psychology* manusia yang gemar untuk memiliki artifak-artifak budaya yang berhubung dengan unsur-unsur *materialistic* dan bersifat *exclusive*. Budaya tersebut telah menjadi satu kemestian dalam mengukur nilai sosial masyarakat pribumi di Borneo, khususnya masyarakat Iban di Sarawak. Kaedah perolehannya yang agak sukar pada ketika itu, menjadikan seramik seperti *tajau*, *kebuk* dan *guchi* telah diangkat menjadi artifak yang fungsional dalam budaya di Nusantara seperti dijadikan sebagai harta warisan, mata wang, hantaran kahwin dan menjadi tempat perseadian manusia untuk ke dunia akhirat. Bagi masyarakat Iban di Sarawak, artifak-artifak seramik telah diidentifikasi

berdasarkan bentuknya dan dibentuk dalam satu susunan hierarkinya yang tersendiri.

Faktor yang terakhir adalah berkait rapat dengan sistem adat istiadat yang telah diamalkan oleh masyarakat Iban sejak dahulu kala lagi. Adat-istiadat adalah satu manifestasi yang telah diwujudkan oleh sebuah kelompok komuniti dalam menjaga keseimbangan hubungan diantara manusia sesama manusia atau manusia dengan alam untuk mewujudkan sebuah ruang lingkup yang harmoni. Beberapa adat Iban secara dominannya dikenalpasti mempunyai hubungan yang rapat dengan alam-alam spiritual. Contohnya, adat membina sebuah rumah panjang yang baharu, iaitu *Gawai Mangkung Tiang* sebelum mereka berpindah masuk. Upacara *Gawai Mangkung Tiang* adalah bertujuan untuk memberkati daripada bencana, wabah penyakit, nasib malang dan gangguan roh-roh jahat. Para *lemambang* (pendeta) akan menjalankan tugas meberkati rumah panjang baharu kepada dua kumpulan. Kumpulan yang pertama akan melakukan *Pedara* (upacara memberkati) untuk mengusir burung jahat dan memanggil masuk burung yang dipercayai membawa tuah dan kekayaan dalam budaya Iban. Manakala kumpulan pendeta yang kedua akan melakukan upacara *Mengap* (nyanyian mentera) sepanjang malam bagi mendoakan kesejahteraan dan keharmonian bagi penduduk yang akan mendiami rumah panjang tersebut. Dalam melaksanakan upacara tersebut, artifak sakral seperti *Pua Kumbu*, *Duku Iban* dan seramik seperti *tajau* akan digunakan sebagai medium spiritual dalam proses adat istiadat Iban.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, artifak budaya iaitu merujuk kepada *pua kumbu*, *tajau* dan *duku* yang dianggap sakral dalam budaya Iban masih kekal relevan dalam budaya Iban, namun telah beralih fungsinya sebagai perhiasan dan ikon kepada masyarakat Iban melalui sejarah dan fungsinya di masa lampau. Namun begitu, artifak budaya seperti *antu pala* telah pupus dan tidak diamalkan lagi perolehannya dalam budaya Iban setelah amalan *Ngayau* dihapuskan oleh Rajah Brooke kerana dilihat tidak bertamadun dan kejam. Secara tidak langsung, penyimpanan *antu pala* sebagai pusaka keluarga dianggap bertentangan dengan ajaran agama baharu masyarakat Iban dan kepercayaan mengenai kekuasaan spiritualnya semakin memudar dalam kalangan generasi Iban kini. Walau bagaimanapun, artifak-artifak yang dianggap sakral ini adalah lambang manifestasi masyarakat Iban sebagai sebuah bangsa yang inovatif dalam menguruskan kehidupan mereka dengan alam yang menjadi tempat tinggal dan sumber rezeki masyarakat Iban. Oleh itu, unsur-unsur tersebut telah membentuk dan mengarap identiti dan kebudayaan masyarakat Iban sehingga ke hari ini.

## RUJUKAN

- Afandi, A. 2018. Kepercayaan Animisme-Dinamisme Serta Adaptasi Kebudayaan Hindu-Budha Dengan Kebudayaan Asli Di Pulau Lombok-Ntb. *Historis: Jurnal Kajian, Penelitian dan Pengembangan Pendidikan Sejarah* 1(1): 1-9.
- Appell, G. N. 2001. Iban Studies: their contribution to social theory and the ethnography of other Borneo societies. *The encyclopedia of Iban Studies: Iban history, society and culture* 2: 741-785.
- Baring-Gould, S. & C.A. Bampfylde. 1909. *A History of Sarawak under its Two White Rajahs, 1839-1908*. Singapore: Oxford University Press, reprinted in 1989.
- Béguet, V. (2012). Iban petara as transformed ancestors. *Ancestors in Borneo Societies: Death, Transformation, and Social Immortality* 2: 243-277.
- Bilon, B. M., & Tugang, N. 2018. The Iban Traditional Religion: Miring. *Journal of Borneo-Kalimantan*, 4(1), 37-42.
- Braun, W., & McCutcheon, R. (Eds.). 2000. *Guide to the Study of Religion*. London: Bloomsbury Publishing.
- Bloom, C. (2012). Horror Fiction: In Search of a Definition. A New Companion to the Gothic, *Wiley-Blackwell, Oxford*, (2), 211-223.
- Buckland, M. K. (2017). Before the antelope: Robert Pagès on documents. *Proceedings from the Document Academy* 4(2): 6.
- Darmawan, K. Z. 2008. Penelitian etnografi komunikasi: tipe dan metode. Mediator: *Jurnal Komunikasi* 9(1): 181-188.
- Darmana, K. 2014. *Sakralitas Barong Using Dalam Kehidupan Masyarakat Using Kemiren Banyuwangi Jawa Timur*. Denpasar: Universitas Udayana.
- Derlon, B., & Mauzé, M. 2010. *Sacred" or "sensitive" objects*. documento disponibile online, www. necep.net/papers/OS\_Derlon-Mauze. pdf.
- de Saint-Laurent, C. 2018. Memory acts: A theory for the study of collective memory in everyday life. *Journal of Constructivist Psychology* 31(2): 148-162.
- Durin, A. 2014. *Tikar bemban*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Freeman, D. 1955. *Report on the Iban of Sarawak*. US Government Printing Office.
- Hanson, W. E., Creswell, J. W., Clark, V. L. P., Petska, K. S., & Creswell, J. D. 2005. Mixed methods research designs in counseling psychology. *Journal of counseling psychology* 52(2): 224.
- Halbwachs, M. 1992. *On collective memory*. New York: University of Chicago Press.
- Hasbullah, H., Toyo, T., & Pawi, A. A. A. (2017). Ritual Tolak Bala Pada Masyarakat Melayu (Kajian Pada Masyarakat Petalangan Kecamatan Pangkalan Kuras Kabupaten Pelalawan). *Jurnal Ushuluddin* 25(1): 83-100.
- Holifield, E. B. 1983. Religion and Order in England and America: *A Review Article* (2), 525-534.
- Hodder, I. (Ed.). 2013. *The meanings of things: Material culture and symbolic expression*. Routledge.
- Hodder, I. 1994. The interpretation of documents and material culture. *Sage Biographical Research* 1: 393-402.
- Jasmi, K. A. 2012. *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitifin Kursus Penyelidikan Kualitatif* Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Or-ganized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus

- Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim
- Kiyai, G., & Tugang, N. 2019. The Iban Journey of Afterlife: Artifak Iringan Tukang Sabak. *Journal of Borneo-Kalimantan* 5(1): 7-7.
- Koentjaraningrat, & Cornell University. Modern Indonesia Project. 1967. *Villages in Indonesia*. Cornell University Press.
- Lund, N. W., & Buckland, M. 2008. Document, documentation, and the Document Academy: introduction. *Archival Science*, 8(3), 161.
- Marican, S. 2005. *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Kuala Lumpur: Prentice Hall/Pearson Malaysia.
- Mead, G.H. 1929. 'The Nature of the Past', in J.Coss (ed.). Essays in honor of John Dewey. New York: Henry Holt.
- Mohd Nasir, M. K., Hasan, M. S. S., & bin Haji Sulaiman, I. Kepercayaan Animisme Menurut Perspektif Sunnah Nabawi Dan Ahli Antropologi Barat: Satu Kajian Awal. *Jurnal Pengajian Islam* 9(2): 149-176.
- Moleong. 2006. *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Olick, J. K., Vinitzky-Seroussi, V., & Levy, D. (Eds.). 2011. *The collective memory reader*. Oxford University Press.
- Olick, J. 1999. Collective Memory: The Two Cultures. *Sociological Theory* 17(3): 333-348. Retrieved June 15, 2020, from [www.jstor.org/stable/370189](http://www.jstor.org/stable/370189)
- Pawi, A. A. A. 2013. Weltanschauung Dan Manifestasi Kepercayaan Tradisi Etnik Di Sarawak. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 6(2): 139-154.
- Roediger III, H. L., & Abel, M. 2015. Collective memory: a new arena of cognitive study. *Trends in cognitive sciences* 19(7): 359-361.
- Safitrf, I. 2013. Kepercayaan Gaib Dan Kejawen Studi Kasus pada Masyarakat Pesisir Kabupaten Rembang Ikha Safitrf Perencanaan dan Pengelolaan Sumberdaya Kelautan Program Magister Manajemen Suniberdaya Pantai Universitas Diponegoro Abstract. *Sabda: Jurnal Kajian Kebudayaan* 8(1): 18-28.
- Sandin, B. 1964. Descent of some Saribas Ma-lays (and Ibans)-II. *Sarawak Museum Journal* 11: 512-515.
- Sather, C. 1994. The one-sided one: Iban rice myths, agricultural ritual and notions of ancestry. Rice in southeast Asian myth and ritual. *Contributions to southeast Asian Ethnography* 10: 119-150.
- Sather, C. (1979). Ethnology: The Iban of Sarawak. Vinson H. Sutlive, Jr. *American Anthropologist* 81(4): 948-949.
- Shook, J. R., & Good, J. A. 2010. *John Dewey's philosophy of spirit, with the 1897 lecture on Hegel*. Fordham Univ Press.
- Sutlive, V. H. 1988. *The Iban of Sarawak: chronicle of a vanishing world*. London: Waveland Press Inc.
- Taylor, E. B. 1871. *Primitive culture: researches into the development of mythology, philosophy, religion, art, and custom*. NY: Holt.
- Tugang, N. 2004. *Tembikar dalam budaya Iban di Sarawak* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Tugang, N. 2014. *Pua: identiti dan budaya masyarakat Iban*. Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Winstedt, R. 1961. *The Malay magician: being shaman, saiva, and sufi*. UK: Routledge and Paul.

*Gregory Kiyai et al.*

Zhukovsky, V. I., & Pivovarov, D. V. 2015. Sacral and System of Sacralization.  
*European Journal of Natural History* 1: 21-24.

#### **SENARAI INFORMAN**

Banggie Embol (adiguru dalam menenun *pua kumbu*)  
Beol Dingin (tetua Iban)  
Dammy Busang (tetua Iban)  
Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang (tokoh politik dan budaya Iban)  
Datuk Sri Edmmund Langgu (tokoh politik dan pakar budaya Iban)  
Gabi Uri (tetua Iban)  
Janet Rata Noel (kurator *Tun Jugah Foundation*)  
Jantan Umbat (penyelidik di *Tun Jugah Foundation*)  
Jim bun Tawai (penyelidik Majlis Adat Istiadat Sarawak)  
Kiyai Uri (tetua Iban)  
*Lemambang Abang Entrey (bard)*  
*Lemambang Ijau (bard)*  
*Lemambang Buchaw Undan (bard)*  
Mat Minggan (tetua Iban)  
Maria Liban (tetua dan pakar menenun Iban)  
Peter Siman (pegawai bahagian etnologi Muzium Sarawak yang menguruskan artifak  
Iban)  
Suga Jaya (tetua Iban)